

Terap prinsip Rukun Negara bermula di rumah

Akhir-akhir ini banyak isu menyentuh perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia ditimbulkan. Ia sedikit sebanyak membuka mata ramai pihak bahawa perpaduan perlu diperkuatkan semula supaya tidak mencalarakan apa yang dibina sejak sekian lama.

Sebagai rakyat yang sayangkan keamanan negara sewajarnya tuding-menuding menyalahkan pihak tertentu harus dielakkan. Setiap individu perlu bertanggungjawab dalam hal ini. Perpaduan boleh dipupuk bukan di sekolah semata-mata, tetapi seharusnya bermula dari rumah.

Perkara paling asas yang boleh dihubungkan dengan perpaduan

dari rumah berkait rapat dengan lima prinsip Rukun Negara. Penulis percaya bahawa Rukun Negara seharusnya dihayati dan bukan dihafal. Rukun Negara adalah ideologi negara yang diwujudkan pada 1970 ekoran isu pergeseran kaum.

Perkara utama dalam Rukun Negara adalah kepercayaan kepada Tuhan dan ini menjadi pegangan bagi mana-mana individu. Institusi kekeluargaan sudah pasti akan menerapkan aspek hormat menghormati, nilai positif dan segala perkara yang positif. Semua aspek itu adalah intipati perpaduan. Tanpa nilai murni dari rumah maka perpaduan sukar dibina di sekolah.

Menghormati perbezaan antara kaum adalah perkara yang paling penting untuk dipraktikkan. Perbezaan itu adalah ciri unik yang perlu dikekalkan. Kepelbagaian kaum, adat resam dan kepercayaan tidak harus dijadikan garis pemisah.

Asas satukan rakyat

Kesilapan kecil yang dilakukan pasti akan meruntuhkan perpaduan yang sekian lama wujud. Ia akan membawa persengketaan sekiranya tidak dibendung dari awal. Ia pasti akan memporak-perandakan keharmonian dan keamanan yang selama ini kita banggakan.

Rukun Negara adalah asas da-


lam menyatukan semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Aspek perpaduan adalah kritikal dalam mendepani cabaran yang mendatang.

Perpaduan perlu dikongsi sebagai simbol kemanusiaan dan hasilnya adalah keamanan yang berpanjangan. Sekiranya ia kukuh maka aspek seperti politik, ekonomi dan keselamatan akan turut terjamin.

Rukun Negara adalah pemangkin keharmonian yang menyemarakkan jati diri sebagai rakyat Malaysia. Kesedaran terhadap kepentingan mengamalkan prinsip Rukun Negara seharusnya dijadikan panduan dalam membentuk generasi yang bersatu padu.

Tanggungjawab mengekalkan perpaduan terletak di bahu setiap individu. Kekuatan perpaduan adalah cermin kepada keteguhan negara pada masa akan datang. Oleh yang demikian, dengan perpaduan yang utuh, maka matlamat Rukun Negara pasti dicapai.

Antara maklumat itu merangkumi mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan masyarakat melalui cara hidup demokratik. Malahan kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama. Semoga tahun 2016 ini memberi kita keinsafan untuk terus kekal bersatu dalam mencapai perpaduan yang lebih bermakna. Saya sayang Malaysia. Anda bagaimana?

 **Dr Siti Mistima Maat,**
Fakulti Pendidikan, **UKM.**